

PERBINCANGAN BERSAMA UTMDIGITAL BERKAITAN PEMBANGUNAN SISTEM BAHARU UTM-IK

TARIKH : 5 Februari 2024 | Isnin

MASA : 9.00 PAGI

LOKASI : Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru, Johor

KEHADIRAN :

1. Pn. Zaleha Atan – PUTM (Pengerusi)
2. En. Mohd. Fuad Mohamed Yusof - PUTM
3. En. Yusrul Hisham Mohd. Yusof - PUTM
4. En. Sharul Ismail - PUTM
5. Pn. Haslina Hussin – PUTM (Pencatat)
6. En. Mohamad Fahiezan Md. Zan - PUTM
7. Cik Aida Nadhirah Rodzuan - PUTM
8. En. Syed Rahazuan Syed Deraman – UTMDigital
9. En. Mohd. Sharul Hafiz Razak – UTMDigital

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

1. Haslina Othman - PUTM
2. Nabilah Jamil - PUTM
3. Siti Mariyam Mamat – UTMDigital
4. Mohd Rozi Katmin – UTMDigital
5. Mokhles Md. Sawal – UTMDigital

AGENDA :

1. Kata Aluan Pengerusi
2. Pembentangan cadangan pembangunan Sistem Universiti Teknologi Malaysia Institutional Knowledge (UTM-IK) baharu
3. Lain-lain hal

AGEND A	BUTIRAN	TINDAKAN
1	Kata Aluan Pengerusi	
1.1	Sesi perbincangan dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab : Surah Al-Fatihah. Pengerusi mengalukan kehadiran semua ahli yang hadir ke sesi perbincangan. Pengerusi memaklumkan seisi perbincangan bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak UTM Digital berhubung pembangunan sistem baharu UTM-IK yang menggabungkan tiga (3) sistem repositori Perpustakaan UTM, iaitu UTM-IR, UTM-DMS dan UTM-RDM serta UTM Lenses untuk menjadi satu (1) sistem repositori bersepadu bagi mengakses rekod bahan berkaitan UTM.	Makluman
2	Pembentangan cadangan pembangunan Sistem Universiti Teknologi Malaysia Institutional Knowledge (UTM-IK) baharu	
2.1	Pembentangan ringkasan Kertas Kerja Kelulusan Pelaksanaan dan Permohonan Peruntukan bagi Pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (<i>UTM-IK Centralized Repository System</i>), Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) oleh En. Mohd. Fuad Mohamed Yusof. Rujuk Lampiran 1. Pembentangan ringkasan pelan Pembangunan Sistem UTM-IK Baharu - KeyHIR 2024 oleh En. Yusrul Hisham Mohd. Yusof. Rujuk Lampiran 2.	Makluman
2.2	Sesi Perbincangan PUTM & UTMDigital 2.2.1 En. Syed Rahazuan Syed Deraman memohon supaya perkara berikut diberi perhatian bagi tujuan pembangunan sistem baharu UTM-IK : i. Pembangunan pelan perancangan 5 tahun berhubung isu storan dan kos pengembangan storan (expansion cost). ii. Tempoh sistem repositori lama akan dikekalkan apabila sistem UTM-IK telah mula beroperasi.	SAT SAT

	2.2.4 Pengerusi / En. Yusrul Hisham Mohd. Yusof meminta kerjasama daripada pihak UTM Digital untuk perkongsian penyediaan spesifikasi sistem yang terkini untuk rujukan dan panduan kepada pihak Seksyen Automasi dan Multimedia merangka spesifikasi yang diperlukan untuk pembangunan sistem baharu UTM-IK. 2.2.5 Pengerusi memohon kerjasama wakil UTM Digital yang hadir untuk memanjangkan hasil perbincangan dan memaklumkan tujuan perbincangan ini kepada Pn. Siti Mariyam Mamat bagi menghasilkan satu (1) keputusan sama ada pembangunan sistem baharu UTM-IK yang akan dilaksanakan oleh PUTM wajar mendapat sokongan untuk dibangunkan oleh pihak pembekal atau oleh pihak UTM Digital. Pengerusi turut memaklumkan bahawa keputusan rasmi daripada pihak UTM Digital adalah penting bagi membantu pihak PUTM meneruskan usaha membawa usul kertas kerja yang telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perpustakaan UTM Bil. 1/2024 pada 24 Januari 2024 yang lalu, kepada pihak Bendahari bagi tujuan kelulusan mendapatkan peruntukkan pembiayaan pembangunan sistem baharu UTM-IK.	UTM Digital SAT UTM Digital
3	Lain-lain hal	
	Tiada lain-lain hal. Pengerusi mengakhiri dan menutup sesi perbincangan dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir serta bacaan surah Al-Asr dan tasbih Kifarah pada jam 10.30 pagi.	

Disediakan oleh :

Haslina Hussin | Pustakawan Kanan

Unit Repositori & Dokumen Digital, Seksyen Koleksi Khas & Repositori, Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

6 Februari 2024

Pelan Tindakan 2024

Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi

Pelaporan Pencapaian Q1 – Q4 : Key High Impact Result (KHIR)

KHIR	Action Plan incl. Rollout Initiatives	Target Q1	Action Plan incl. Rollout Initiatives	Target Q2	Action Plan incl. Rollout Initiatives	Target Q3	Action Plan incl. Rollout Initiatives	Target Q4	Target 2024
Future-ready, student-oriented library resources & facilities	1.Planning, Analysis & Budgeting a. System Objective (3%) i. Task Force Appointment & Term of Reference (TOR) b. Conduct User Requirement Study (6%) i) Identify format Data Entry (MARC21/ Dublin Core) ii) Standard template requirement iii) System requirement: New features (eg: free text search) iv) User permission login v) c. Budget allocation - 5% i.Preparation of budget paperwork d.Preparation of Technical Specifications and other related Documentation - 6%	20%	1.System Development a.Development of Institutional knowledge platform : i.Planning 5%, ii.Analysis 5%, iii.Design 5%, iv.Implementation 10%, v.Testing & Maintenance 5%	30%	1.System Integration a. Platform Integration with LDAP & Library Management System (KOHA) - 20% b. Data Migration - 20% - UTM Institutional Repository (UTM-IR) - Document Management system (DMS) - Research Data Management (RDM) - UTM Lenses	40%	1.System Deployment (5%) a. User Acceptance Test (UAT) b. Final Acceptance Test (FAT) c. Fully Functional System (Go-live) 2) User Satisfaction Survey (5%) a. Preparation b. Distribution c. Analysis Result	10%	100% system 85% Students' Satisfaction